

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 11 MAC 2015

SOALAN:

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana peruntukan RM800 juta telah dibelanjakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir seperti yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan pada 5 Januari 2015.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan kewangan tersebut telah dibelanjakan bagi tujuan menampung keperluan perolehan darurat serta perbelanjaan bagi melancarkan pengurusan operasi semasa bencana. Antara perbelanjaan yang telah dirancang adalah seperti berikut:

- a) Program pembinaan semula rumah kekal yang diselaraskan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang kehilangan tempat tinggal akibat rumah musnah di seluruh negara berjumlah 2,094 keluarga di mana 1,827 daripadanya adalah di Negeri Kelantan sahaja. Lain-lain negeri yang merekodkan kemusnahan rumah adalah di Negeri Pahang (224 keluarga), Terengganu (17 keluarga) dan Perak (26 keluarga). Sepertimana yang telah diumumkan Kerajaan, 2 model rumah akan didirikan iaitu jenis bertiang atas tanah dengan kos RM40,000 hingga RM48,000 sebuah dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM174 juta. Bagi pembinaan semula rumah kekal di atas tanah berstatus hakmilik, rumah-rumah tersebut akan disiapkan sebelum Hari Raya Aidilfitri ini;
- b) Program pembaikan rumah rosak dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah (KKLW). Merujuk kepada maklumat sehingga 27 Februari 2015, sebanyak 6,693 buah rumah layak untuk menerima bantuan di bawah Program Pembaikan Kerosakan Rumah-Rumah Mangsa Banjir berdasarkan siling

pembaikan sehingga RM10,000 seunit. Bantuan pembaikan rumah rosak juga dipanjangkan bagi kes-kes rumah panjang di Sarawak yang mengalami kerosakan akibat banjir. Penilaian dan verifikasi akan dibuat oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW); dan

- c) Berdasarkan kepada statistik mangsa berpindah ke pusat pemindahan yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah mangsa yang terjejas banjir adalah seramai 541,896 orang dari 136,447 keluarga. Bagi tujuan itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM97,140,000 untuk agihan bantuan wang ihsan RM500 kepada 194,280 penerima yang terdiri dari mangsa ketua isi rumah yang berpindah dan yang tidak berpindah ke pusat pemindahan;

Sekian, terima kasih.